

alam

FAKTA

Mokhtar Ishak pernah berkhidmat di UPM Serdang sebelum berpindah ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT):

Mendapat didikan di Perbadanan Filem Nasional (Finas) dalam bidang videografi dan telah mengikuti banyak kursus di pelbagai agensi.

Gambar sebagai jurubicara alam

Mokhtar jadikan panorama keindahan alam sebagai inspirasi



Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



PENGALAMAN sebagai jurugambar selama tiga dekad terutama yang berkaitan alam sekitar bukan sahaja menambah pengalaman yang tiada tolok bandingnya dalam bidang tersebut, tetapi lebih daripada itu Mokhtar Ishak berasa seakan menjadi kerdil sebagai seorang manusia.

Manakan tidak, kerap merakam peristiwa melibatkan manusia dan alam sekitar, dia merasakan pertalian yang erat antara kedua-dua seolah-olah satu simbiosis.

Dia pernah termenung, hampir menitiskan airt mata tetapi kadangkala tersenyum apabila bermonolog melihat hasil rakaman kameranya. Koleksi gambar itu juga sebagai khazanah yang perlu disimpan.

"Saya pernah merakam kejadian bencana alam, menjadikan hati yang tersentuh, kerana ia mungkin disebabkan perbuatan manusia, tetapi apabila lensa kamera ini menangkap pergerakan burung yang berterbangan, saya berkata betapa indahnya hidup tanpa gangguan," ujarnya.

Menceburi bidang fotografi sejak 1990 Mokhtar, 56, anak jati Tumpat, Kelantan ini terlibat secara serius kepada alam sekitar pada 2005 apabila menyandang jawatan sebagai ahli fotografi di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) yang sekarang dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Berkongsi lebih lanjut, Mokhtar memberitahu, secara peribadi, dia amat menghargai keindahan alam semula jadi anugerah Ilahi ini.

"Di sesetengah tempat panoramanya indah tetapi sudah terancam sama ada secara semula jadi atau disebabkan pembangunan.

"Oleh sebab itu, rakaman-rakaman terdahulu amat bernilai dan akan menjadi satu sejarah panjang," ujarnya.

Katanya lagi, jurugambar selalunya menjadikan elemen tertentu sebagai sumber inspirasi. Sebagai contoh, panorama alam, kemiskinan,

kemanusiaan, wanita dan sebagainya

Namun bagi Mokhtar, dia menjadikan alam semula jadi dan kehidupan komuniti nelayan sebagai elemen dan sumber inspirasi dalam menghasilkan karya dari sudut fotografi.

Alam katanya, atau panorama boleh diterjemahkan dalam pelbagai sudut terpulang kepada individu tertentu.

"Tetapi bagi saya, setiap rakaman yang dibuat perlu diteliti objektifnya dari sudut fotografi supaya orang ramai faham dan boleh menghayati apa yang hendak disampaikan," ujarnya.

Sebagai contoh, seperti hakisan pantai, sudut yang menarik yang boleh menampilkan elemen yang menyentuh jiwa apabila melihat rakaman itu dipamerkan kemudian.

Begitu juga kesan atau impak banjir yang berlaku di Kelantan pada lalu.

Pameran solo saya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selama dua hari menyentuh perasaan penyelidik sewaktu dipamerkan, antara lain kerana mereka tidak berpeluang ke tempat kejadian. Hanya foto mampu bercerita," katanya.

Berkongsi sedikit ilmu, Mokhtar berkata, dalam membuat penilaian sesebuah gambar, ia amat subjektif

Baginya, nilai sesebuah gambar adalah adakah ia sendiri mampu

ELEMEN alam menjadi 'fokus' lensa Mokhtar.

'bercerita' kepada sesiapa sahaja yang melihat.

Dengan kata lain, menjadi peranan jurugambar seolah-olah gambar tersebut boleh bercakap.

Maksudnya setiap gambar yang hendak dirakam dipastikan beberapa elemen dipatuhi.

Bagaimanapun Mokhtar berkata, sesuai dengan kerjanya kini sebagai seorang jurugambar UMT, secara langsung atau tidak langsung, dia memang akan terlibat dengan projek penyelidikan pensyarah dan pelajar.

Justeru banyak tempat atau kawasan yang pernah dikunjunginya untuk membuat rakaman sehingga ke Sabah, Sarawak, Indonesia dan Thailand.

Kawasan di pesisir pantai Terengganu dan Tasik Kenyir adalah yang paling banyak dirakam sejak tahun 1990-an.

Dia juga berpeluang saya berpeluang

membuat rakaman di Bumi Balkan yang meliputi Negara Albania, Bosnia dan Herzegovina, Croatia, Montenegro dan Turki. dalam program sangkutan Universiti bersama TV Alhijrah pada April lalu.

Sepanjang kerjanya itu, dia juga pernah mengharungi pengalaman yang sukar dilupakan.

Ketika itu, dia mengikuti satu kajian berkaitan terumbu karang di sekitar Pulau Redang dan Pulau Karah di perairan Terengganu untuk projek pelajar sarjana beberapa tahun lepas.

Dia menggunakan set underwater camera waktu itu, tetapi selepas kembali pulang ke pangkalan, didapati filem tidak dimasukkan ke dalam kamera tersebut.



ANTARA rakaman lensa Mokhtar Ishak yang semuanya berkisar tentang alam.



Pada 1983, pernah bertugas di Stesen Perikanan UPM Terengganu.

Banyak mengikuti kursus fotografi termasuklah antaranya di Black & White Silver Gelatine Petaling Jaya.

Seorang yang cukup periang dalam menjalankan tugas.

alam

Pesanan untuk saintis muda

MENGENALI beliau amat mudah kerana sikapnya yang santai, **Prof. Dr. Mohd. Kushairi Mohd. Rajuddin** yang berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Sains dan Bioteknologi Universiti Selangor (Unisel) merupakan pencinta alam. Beliau sering 'mengembara' ke dasar lautan kerana hobinya yang aktif dalam aktiviti selam skuba sesuai dengan kerjayanya mengkaji hidupan dasar laut. Ikuti luahan beliau menerusi e-mel baru-baru ini.

Apakah kepakaran Prof. Jelaskan secara ringkas?

Kepakaran saya adalah dalam bidang pengurusan pantai dan hidupan dasar laut.

Apakah Prof. berpuas hati dengan pencapaian daripada segi penyelidikan mengenai bidang kepakaran?

Ya, saya berpuas hati. Ada kertas kerja saya yang diterbitkan di jurnal terkenal termasuk *Journal of Coral reef*, *Journal of Estuarine, Coastal & Shelf Science* dan *Journal of Oceanography*.

Apakah perkara paling membanggakan dan paling mengecewakan sejak penglibatan dalam bidang kepakaran tersebut?

Perkara yang paling membanggakan apabila dapat bekerjasama dengan pihak lain termasuk saintis terkenal luar negara dan mereka memberi idea tetapi paling mengecewakan apabila terdapat sebilangan kalangan saintis muda kita yang suka kerja secara sendiri.

siapa mengapa

Apakah kepentingan bidang pada masa ini dititikberatkan?

Masalah yang paling dititikberatkan ketika ini adalah pencemaran alam dan kenaikan paras air laut.

Mampukah kita melahirkan ramai pakar dalam bidang yang Prof. ceburi?

Kita mampu melahirkan ramai pakar jika saintis muda kita meningkatkan disiplin dan persediaan minda yang jelas.

Bagaimanakah bidang yang Prof. ceburi ini sepatutnya mendatangkan keseronokan.

Bagi menjadikan sesuatu bidang seronok atau tidak, ia bergantung kepada cara ia dilaksanakan iaitu perlunya ada minat dan hati yang terbuka serta jujur.

Rakyat Malaysia masih tidak begitu sedar akan kepentingan bidang tersebut, komen Prof.

(Sebenarnya) ramai yang sedar, cuma bidang ini bukan senang hendak buat duit.

Apakah perkara yang wajar dilakukan bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang ini?

Kita perlu meningkatkan ilmu, dari ijazah ke sarjana dan doktor falsafah (PhD) dan kemudian banyak melakukan penyelidikan dengan penyelidik senior dalam negara dan bercampur dengan saintis luar negara.

DR. MOHD. KUSHAIRI amat meminati selam skuba.

BIODATA

PENDIDIKAN

- Sekolah Menengah Tengku Menteri Taiping
- Sekolah Menengah St. Georges Taiping
- Ijazah sarjana muda dan sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Doktor falsafah (PhD) Universiti Newcastle upon Tyne England.
- Mempunyai lesen sebagai jurulatih selam skuba.

PENGALAMAN

- Bertugas di Insitiut Penyelidikan Perikanan Malaysia dan di Southeast Asian Fisheries Development Center di Terengganu (beribu pejabat di Tokyo)
- Menyertai Unisel dalam tahun 2001.
- Pengarah Makmal Penelitian Bio-Optik Marin, Unisel.
- Pemeriksa luar untuk pascasiswazah bagi UKM, USM, UiTM, UPM dan Soka Universiti di Jepun.
- Pernah menjadi konsultan untuk projek Petronas, Nippon Oil, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.
- Menjadi Ketua ekspedisi Penyelidikan Kepulauan Spratly di Jabatan Perdana Menteri 1999 dan 2001.
- Menjadi ahli panel bagi menilai permohonan penyelidikan untuk geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan ahli pakar kajian karang untuk Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM).

DR. MOHD. KUSHAIRI sebagai perunding kajian dasar laut untuk syarikat minyak Petronas pada 2007.

"Justeru ia menjadi pengajaran (bagi saya) supaya persiapan peralatan mesti diutamakan sebelum kerja-kerja rakaman dimulakan, apatah lagi sekiranya peristiwa itu hanya berlaku ketika itu dan tidak boleh diulangi," ujar Mokhtar.

Selain itu, dia turut berpesan kepada mereka yang ingin menceburi bidang fotografi ini supaya banyak membuat praktikal seperti *group outing*, membina jaringan dengan fotografi senior, pembacaan dan penyelidikan di samping menggunakan teknologi terkini dan pengisian terbaru bagi memudahkan cara bekerja supaya lebih cepat.

Mokhtar kini berbangga kerana namanya terpatut dalam sebuah buku berjudul *Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Menyusuri Keunggulan* yang ditulis bersama oleh bekas Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Koomo dan pensyarah Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa.

Buku tersebut membawa pembaca melalui lipatan sejarah UMT yang membangun sebagai sebuah universiti dengan menjadikan bidang sains marin dan sumber akuatik sebagai teras pengajian.

Malah Ibrahim menerusi pratanya dalam buku tersebut berkata, koleksi semua gambar adalah menerusi lensa kamera yang diabdikan oleh Mokhtar sebagai salah seorang warga yang banyak mengikuti perkembangan universiti tersebut.